

Kompleks BB Plaza kepada MRT Corp untuk bina stesen bawah tanah

# UDA rugi sewa RM25j setahun

Oleh FAHAMI AHMAD  
fahami.ahmad@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** - UDA Holdings Bhd.(UDA) sedang mempertimbangkan beberapa implikasi sekiranya kompleks beli-belah miliknya, Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) di sini diserahkan kepada MRT Corp Sdn. Bhd. (MRT Corp) untuk kerja-kerja pembinaan stesen bawah tanah Transit Pantas Massa (MRT).

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, antara implikasi utama yang dibimbangnya ialah kehilangan pendapatan utama kepada syarikat iaitu dalam bentuk hasil sewaan.

"Jika premis itu diserahkan kepada MRT Corp, kami bakal kehilangan antara RM20 juta hingga RM25 juta hasil pendapatan setahun untuk bayaran sewa lot di premis berkenaan.

"Projek itu juga akan menyebabkan perniagaan usahawan Bumiputera di BB Plaza terjejas," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran transformasi sistem teknologi maklumat (IT) UDA di sini semalam.

BB Plaza akan diserahkan kepada MRT Corp bagi memberikan laluan kepada projek mega kerajaan, MRT yang dijangka ber-



**NUR JAZLAN** (tengah) pada majlis pelancaran program transformasi IT UDA di Kuala Lumpur semalam.

mula pada tahun hadapan.

Stesen MRT yang akan dibina di kawasan berkenaan dijangka menjadi stesen terbesar bagi laluan sepanjang 51 kilometer dari Sungai Buloh-Kajang.

Nur Jazlan menjelaskan, terdapat seramai 150 peniaga Bumiputera beroperasi di BB Plaza dan ia mewakili 60 peratus jumlah keseluruhan peniaga di situ.

"Kami berharap agar UDA dan



**BB PLAZA** merupakan salah sebuah pusat beli-belah yang popular kerana menawarkan pelbagai barangan menarik.

perniagaan Bumiputera yang terjejas akan mendapat pampasan yang setimpal dan adil.

"Dianggarkan jumlah bayaran pampasan yang sesuai diberi oleh MRT Corp ialah sekitar RM370 juta," katanya.

Tambah Nur Azlan, tindakan

menyerahkan bangunan UDA kepada MRT Corp sebagai laluan kepada pembinaan projek MRT bukan merupakan kali pertama.

Sebelum ini, dua bangunan lain yang diserahkan kepada MRT Corp ialah UO Superstore dan Plaza Warisan di sini dan hanya

## INFO BB Plaza

- Bukit Bintang Plaza lebih dikenali sebagai BB Plaza oleh warga tempatan yang membeli-belah di situ.
- Merupakan premis milik UDA Holdings Bhd.
- Dibuka pada tahun 1979 dan terletak di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.
- Mempunyai empat tingkat yang menempatkan pelbagai premis perniagaan seperti pakaian, aksesori dan jam tangan.
- 60 peratus daripada jumlah semua perniagaan yang ada milik Bumiputera.
- Penyewa utamanya ialah Metrojaya yang terletak di tingkat tiga.

mendapat pampasan sebanyak RM80 juta.

Mengenai program Transformasi Sistem Teknologi Maklumat yang dijalankan, UDA membelanjakan sebanyak RM13 juta untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan kepada pelanggannya.

Nur Azlan menjelaskan, melalui transformasi yang dilakukan, syarikat akan dapat beroperasi dengan lebih telus, produktif dan menjimatkan kos pada masa depan.